



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PROJEK JENDELA RM3.2 BILION MANTAPKAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI BAGI TAHUN 2021 UNTUK CAPAI MATLAMAT PEMERKASA

Susulan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac lalu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) terus melaksanakan komitmen untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan rakyat di seluruh Malaysia.

Peruntukan RM3.2 bilion daripada Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri disediakan di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi tujuan menaik taraf stesen pemancar sedia ada dan menyediakan capaian gentian optik ke premis-premis berkaitan. Perbelanjaan ini melibatkan kerja naik taraf 5,394 pemancar telekomunikasi kepada 4G dan sasaran penyambungan gentian optik ke 557,374 premis yang dilaksanakan pada tahun 2021.

Malaysia kini sedang bergerak pantas dalam usaha membina infrastruktur bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan rakyat dan menyediakan asas kukuh untuk pembangunan ekonomi digital di bawah aspirasi MyDIGITAL. Melalui pelan JENDELA yang dipacu oleh MCMC dengan kerjasama erat sektor swasta dan kerajaan-kerajaan negeri, projek-projek sasaran di bawah JENDELA sedang giat dilaksanakan di pelbagai peringkat di seluruh negara.

Kesemua projek pembangunan infrastruktur digital ini akan menyumbang kepada sasaran Fasa Pertama JENDELA (2020-2022) iaitu menyediakan liputan 4G kepada 96.9% kawasan berpenduduk, meningkatkan purata kelajuan jalur lebar mudah alih kepada 35Mbps, serta menyambung gentian optik kepada 7.5 juta premis, di samping memantapkan keupayaan infrastruktur digital secara keseluruhan menjelang pelaksanaan perkhidmatan 5G secara komersil yang akan diperkenalkan pada suku ke-4 tahun ini.

Impak daripada pelaksanaan JENDELA yang dilancarkan sejak September tahun lalu sudah mula dirasai di kawasan luar bandar dan pinggir bandar. MCMC bertindak secara agresif untuk memperbaiki liputan di kawasan-kawasan yang diadukan. Walaupun terdapat cabaran seperti proses kelulusan dan pembinaan menara telekomunikasi, Kerjasama yang utuh antara MCMC dan syarikat-syarikat telekomunikasi telah berjaya mengatasi banyak masalah dengan cepat melalui beberapa penyelesaian sementara.

Kami di KKMM akan terus memantau pelaksanaan kesemua projek ini dari semasa ke semasa bagi memastikan semua lapisan masyarakat dapat menikmati perkhidmatan digital yang terbaik dan bermanfaat dalam pembangunan ekonomi digital. Kementerian juga akan membantu daripada segi pembangunan dasar yang sesuai bagi melicinkan pelaksanaan semua pelan tindakan serta membina kapasiti rakyat, perniagaan dan jentera kerajaan demi merealisasikan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

25 MAC 2021